NAMA: _____

BIO T4 BAB 15.5: PEMBENTUKAN KEMBAR
(Modul Biologi T4 2021 ms 121)

1. Rajah menunjukkan 2 pasangan kembar; **kembar Y** dan **kembar Z**.

Kembar Y
Yoo-na dan Yoo-ni

Kembar Z
Za-za dan Zu-zu

i. Pilih BETUL atau SALAH bagi pernyataan tentang **kembar Y** dan **kembar Z**

a	**Kembar Y** adalah hasil persenyawaan **satu ovum** dengan **satu sperma** membentuk **satu zigot,** manakala **kembar Z** adalah hasil persenyawaan **dua ovum** dengan **dua sperma** membentuk **dua zigot**	
b	**Kandungan genetik** dan **sifat fizikal kembar Y tidak sama**, manakala **kandungan genetik** dan **sifat fizikal kembar Z sama**	
c	Dalam **kembar Y embrio tidak membahagi** menjadi dua, manakala dalam **kembar Z embrio membahagi** menjadi dua	
d	**Kembar Y berkongsi plasenta**, manakala **kembar Z** mempunyai **plasenta sendiri**	
e	**Jantina kembar Y sama** manakala **jantina kembar Z sama** atau **berbeza**	

ii. Bagaimanakah **kembar siam** terbentuk?
   a. **Satu sperma** bersenyawa dengan **satu ovum**, kemudian **embrio membahagi kepada dua**
   b. **Satu sperma** bersenyawa dengan **satu ovum**, kemudian **pembahagian embrio** berlaku secara **tidak lengkap**
   c. **Dua sperma** bersenyawa dengan **dua ovum** menghasilkan **dua embrio** berasingan

2. Rajah menunjukkan dua jenis kembar; **kembar E** dan **kembar F**.



i. **Labelkan Q**.

ii. Berikut merupakan **fungsi Q KECUALI:**
   a. Tapak **pertukaran bahan** antara **fetus dan ibu**; glukosa, oksigen, antibodi, hormon dan nutrien meresap dari darah ibu ke dalam kapilari darah fetus, manakala karbon dioksida dan bahan buangan bernitrogen seperti urea meresap dari kapilari darah fetus ke dalam darah ibu
   b. Menghasilkan **hormon gonadotrofin korion manusia** (HCG) untuk memastikan korpus luteum menghasilkan estrogen dan progesteron
   c. Menghasilkan **progesteron dan estrogen** untuk mengekalkan ketebalan endometrium
   d. Merangsang **pengovulan**

LIVEWORKSHEETS